



PELAJAR BARU UniMAP BANTU TERAP KONSEP 1



Tiada apa yang mampu diungkapkan oleh seseorang pelajar apabila berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), melainkan rasa syukur dan terima kasih kepada ibu bapa serta para guru yang banyak berjasa. Kegembiraan terukir di wajah apabila cita-cita mereka untuk melanjutkan pengajian ke menara gading membawa hasil. Mereka yang datang daripada pelbagai latar keluarga mula menjelak pengalaman manis yang sukar untuk digambarkan dan mereka mula melarik kehidupan baru dengan penuh cita-cita besar. Begitulah gambaran perasaan para pelajar baru bagi sesi akademik 2009/2010 yang berjaya melanjutkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin berkata pada sesi 2009/2010 ini seramai 1,506 pelajar telah mendaftarkan diri bagi program ijazah dan diploma dan mereka terdiri daripada 824 pelajar lelaki dan 682 pelajar perempuan. Bagi pengambilan kedua, UniMAP telah menerima sejumlah 523 lagi pelajar terdiri daripada 292 pelajar lelaki dan 231 pelajar perempuan.

"Penambahan jumlah pelajar ini menunjukkan UniMAP semakin mendapat kepercayaan sebagai salah sebuah universiti teknikal dan mendapat tempat di hati para pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka di sini," katanya.

UniMAP juga turut menawarkan dua kursus baru yang bukan mengkhusus dalam bidang kejuruteraan iaitu Ijazah Perniagaan Antarabangsa dan Ijazah Kejuruteraan Keusahawanan. Selain itu, satu program baru dalam bidang kejuruteraan iaitu Ijazah Kejuruteraan Rangkaian Komputer turut ditawarkan menjadikan keseluruhan program yang ditawarkan adalah sebanyak 22 program ijazah dan enam program diploma.

Menurut Dato' Prof. Dr. Kamarudin, pada sesi kali ini juga UniMAP buat pertama kalinya menerima kehadiran pelajar antarabangsa iaitu 26 pelajar dari China, 37 orang pelajar dari Yemen, 7 pelajar dari Indonesia dan seorang dari Sudan bagi menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

"Ini menjadikan lanskap pembelajaran di UniMAP berubah dengan kehadiran pelajar antarabangsa ini," katanya.




Pelbagai program telah dimuatkan sepanjang berlangsungnya Minggu Suai Kenal (MSK) yang diadakan selama lima hari bermula 28 Jun hingga 2 Julai 2009 di sekitar kampus UniMAP. Selain pendaftaran dan taklimat universiti, beberapa program utama turut dijalankan, antaranya adalah Program Taklimat Waris, Majlis Sambutan Siswa Siswi, Program Bersama Tokoh, Program Bersama Mufti, serta Majlis Ramah Mesra.

Penerapan Konsep 1 Malaysia

Program Taklimat Waris turut diserikan dengan keberangkatan DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Di dalam titah ucapannya Baginda menyarankan agar para ibu bapa menerapkan budaya satu Malaysia dengan memberikan galakan kepada anak-anak untuk menyertai pelbagai aktiviti yang telah dirancang oleh pihak universiti. Menurut Baginda, melalui galakan tersebut juga ia dapat membantu pelajar mengasah bakat dan menyesuaikan diri dengan masyarakat.



Sebagai menyokong hasrat satu Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melaksanakan moto "UniMAP Juara Perpaduan" yang memberi maksud bahawa dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan di peringkat universiti tersebut mestilah melibatkan penyertaan semua kaum di negara ini. UniMAP juga masih mengekalkan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang dalam usaha menerapkan nilai-nilai setiaawan, positif dan berdaya saing dalam memantapkan jati diri di kalangan warganya.



Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin menyatakan bahawa program pembangunan sahsiah pelajar '7 Pillars' yang dijalankan oleh UniMAP dapat mempercepatkan usaha kerajaan bagi membentuk konsep 1 Malaysia. Beliau berkata, program yang diperkenalkan dua tahun lalu itu yang bertujuan membentuk sahsiah diri pelajar, telah terbukti berkesan dalam mewujudkan perpaduan antara pelajar tanpa mengira kaum.

Program Khidmat Siswa Baru

Dalam konteks mewujudkan pelajar yang berkualiti dalam segenap aspek, baru-baru ini para pelajar sesi kemasukan 2009/2010 telah dilibatkan dalam Program Khidmat Siswa Baru. Pelajar-pelajar berkenaan terlibat dalam program gotong royong membersihkan lapan pasar di sekitar Perlis dan antaranya ialah Pasar Besar Kangar, Pasar Borong Kangar, Pasar Kuala Perlis, Pasar Arau, Pasar Simpang Empat, Pasar Padang Besar, Pasar Beseri dan Pasar Pauh.

Penglibatan pelajar-pelajar di dalam kegiatan gotong-royong ini membolehkan mereka bergaul dengan penduduk setempat selain mendedahkan mereka dengan persekitaran baru sepanjang pengajian mereka. Program Khidmat Siswa Baru ini amat bermakna apabila DYTM Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP, dan DYTM Raja Puan Muda Perlis yang juga Pro Canselor UniMAP, turut berangkat mencemar duli menyertai aktiviti gotong royong ini. Beberapa agensi lain turut terlibat dalam program berkenaan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Perlis, Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam, Persatuan Penjaja Perlis dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (KKKK).

Dato' Prof. Dr. Kamarudin berkata, melalui program ini, kegiatan gotong-royong dapat dipraktikkan semula dalam usaha menjaga kebersihan alam sekitar terutama membabitkan kawasan pasar yang menjadi tumpuan masyarakat.

``Inilah yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar UniMAP dalam berganding bahu dengan pelbagai organisasi dan penduduk setempat kerana sebagai bakal graduan jurutera, para pelajar perlu mengambil tahu keadaan persekitaran seterusnya memainkan peranan yang besar dalam masyarakat," jelasnya. Tambahnya, sebagai duta kecil UniMAP ia juga bagi menyampaikan mesej kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya untuk mencintai alam sekitar, menjaga dan memeliharanya.

``Adalah menjadi harapan UniMAP agar semua pelajar dapat mengintegrasikan dan merealisasi peranan masing-masing melalui aktiviti sebegini," katanya.

